



### KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA
1	No. Tender : <b>MPK 600-9/4/141 JTR</b> <b>KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI SELURUH KAWASAN TAMAN RAKYAT, (KLANG SELATAN).</b>

TARAF TENDER & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT)	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
<p><b>BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF) &amp; KOD BIDANG 221002 atau 221003 &amp; BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR &amp; UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)</b></p>	<p><b>TAKLIMAT (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN)</b></p> <p><b>TARIKH : 17/07/2017 (ISNIN)</b>  <b>MASA PENDAFTARAN : 9.00-9.30 pg</b>  <b>MASA TAKLIMAT : 9.30 pg</b>  <b>TEMPAT : Mini Auditorium, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana</b></p> <p><b>Nota :</b>  <i>Dokumen Tender hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri lawatan tapak sahaja.</i></p>	<p><b>MULAI : 19/07/2017 (RABU)</b>  <b>Penjualan secara manual di kaunter</b></p> <p>Bahagian Ukur Bahan,          Tingkat 1, Pejabat MPK          Jalan Tengku Kelana          (Pusat Sumber)          Lot 175, Jalan Tengku Kelana,          41000 Klang          Selangor Darul Ehsan</p> <p><b>Nota :</b>          Penyebutharga di kehendaki membawa Sijil Pendaftaran ASAL &amp; SALINAN :          1) Sijil Pendaftaran (MOF)          2) Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN)</p>	<p><b>TARIKH TUTUP : 08/08/2017 (SELASA)</b>  <b>JAM : 12.00 TENGAH HARI</b></p> <p>Bahagian Ukur Bahan,          Tingkat 1, Pejabat MPK          Jalan Tengku Kelana          (Pusat Sumber)          Lot 175, Jalan Tengku Kelana,          41000 Klang          Selangor Darul Ehsan</p> <p><b>Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.</b></p>

#### SYARAT-SYARAT :-

1. Setiap dokumen Tender dijual dengan harga **RM 60.00** secara tunai di kaunter.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **19 JULAI 2017** di Kaunter Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan.
3. Petender perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Tender dan mengemaskini maklumat pendaftaran **UPEN** dan **MOF**. Sekiranya gagal berbuat demikian petender adalah tidak layak untuk membeli dokumen tender tersebut.
4. Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti tertera di atas.
5. Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
6. Hanya **Penama** di dalam **Sijil Kementerian Kewangan (MOF)** yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak.
7. Petender adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan pada **17 JULAI 2017** jam 9.00 - 9.30 pagi di Mini Auditorium, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.
8. Petender yang tidak menghadiri taklimat / lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Tender.
9. Petender dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** Kementerian Kewangan (**MOF**), **kad pengenalan** dan **Cop Syarikat** semasa hari taklimat.
10. Petender perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender dan Syarat-syarat Membuat Tender di dalam Dokumen Tender sebelum mengemukakan Tender. Jika dokumen Tender yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
11. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
12. Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **07 OGOS 2017**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-3375 8014.

Disediakan oleh :

**BAHAGIAN UKUR BAHAN**  
**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**